

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
(POKOK SENA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24.05.2016**

**Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [ POKOK SENA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk tindakan yang diambil terhadap pengurusan 1MDB selepas laporan jawatankuasa kira-kira wang negara di bentangkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara ("PAC") menyatakan tidak terdapat sebarang penyelewengan dan kecelaruan dalam akaun dan urus tadbir 1MDB, sebaliknya terdapat kelemahan di dalam urus tadbir syarikat.

PAC juga telah meminta pihak agensi penguatkuasaan (*enforcement agency*, dengan izin) yang berkenaan untuk mengambil tindakan yang selanjutnya. Justeru itu, Ketua Polis Negara telah memaklumkan bahawa pihak Polis DiRaja Malaysia (“PDRM”) akan meneliti saranan PAC jika wujud sebarang elemen yang memerlukan siasatan dan tindakan lanjut.